## SULH, PERUNDINGAN (BIASA), HAKAM DAN TIMBANGTARA/PERBICARAAN

### a. SULH

- Mudah diadakan - dibuat atas kehendak bersama dengan sukarela.
- Sukarela (bebas mengambil bahagian & bebas tidak membuat keputusan) - perbincangan melihat kepada kepentingan dan keperluan pihak-pihak hasilnya penyelesaian secara damai.
- Rahsia (antara pihak-pihak dan pegawai sulh sahaja) - isu perbincangan adalah fokus masa depan.
- Mempermudah (Pegawai Sulh hanya membantu dan memandu perundingan tetapi pihak-pihak yang membuat keputusan) - proses tidak formal dan fleksibel serta pihak-pihak menyertai perbincangan sepenuhnya.

### b. PERUNDINGAN (BIASA)

- Pihak-pihak tidak sama kuat dan biasanya terputus-putus.
- Tiada pihak yang memandu dan mengatur/ mengurus perundingan.
- Terdedah kepada banyak faktor luar.

### c. HAKAM

- Pihak-pihak menyerahkan sepenuhnya kepada (hakam) untuk membuat keputusan bagi pihak mereka.

### d. TIMBANGTARA DAN PERBICARAAN

- Bersifat bermusuhan (keterangan yang diberi untuk menegakkan hak masing-masing saja).
- Keputusan penimbangtara/hakim.
- Fokus masa lampau - apa yang telah berlaku.
- Proses formal - ada prosedur khas.
- Penyertaan pihak adalah terhad sesuai prosedur yang ada.

## KELEBIHAN-KELEBIHAN SULH

- Dapat menjimatkan kos dan masa pihak-pihak.
- Perundingan adalah bersifat terpimpin bukannya dominasi sebelah pihak.
- Perundingan melihat kepentingan masa akan datang pihak-pihak bukannya mengungkit dan menyalahkan pihak lain.
- Penyelesaian secara terbuka dan sukarela (keredhaan) bukannya melepaskan dendam.

**Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang**
No. 3, Jln. Batu Gantung, 10450, Pulau Pinang
Tel: 04-8282727
Faks: 04-8296427
E-mel Am: jksnpp@penang.gov.my

جباتن كحاكيمن شرعية نكري ڤولاو ڤينڠ
**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**



# SULH

Syariah Asas Keadilan

## ASAS PERLAKSANAAN

Firman Allah S.W.T yang bermaksud :
*"Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah diantara keduanya"*

*(Surah al-Hujarat: 9)*

Firman Allah S.W.T yang bermaksud :
*"Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian diantara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya) kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai)"*

*(Surah an-Nisa': 128)*

Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud :
*"Perdamaian (sulh) itu diharuskan (dalam urusan) di antara kaum Muslimin, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram"*

*(Hadis Riwayat at-Tarmizi dan beliau menilainya Sahih-Kitab Subul as-Salam)*



## PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- Seksyen 99, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Kaedah-kaedah Sulh (Negeri Pulau Pinang) 2006.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

## TUNTUTAN & PERMOHONAN BOLEH MELALUI PROSES SULH

Antara tuntutan atau permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah sulh adalah :

a. Tuntutan kerana melanggar janji untuk berkahwin / pertunangan.

b. Tuntutan-tuntutan berbangkit dari suatu penceraian seperti:
   - Muta'ah
   - Nafkah 'Iddah
   - Nafkah Tertunggak
   - Harta Sepencarian
   - Hutang Maskahwin
   - Hal-hal lain yang difikirkan munasabah

c. Tuntutan Hak Jagaan Anak (Hadhanah) dengan melihat kepentingan anak-anak tersebut dalam tempoh perkahwinan mahupun selepas penceraian.

d. Tuntutan Nafkah Anak.

e. Permohonan Perlaksanaan Perintah Mahkamah.

## FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH BERJAYA

- Kedua-dua pihak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tuntutan luar mahkamah.
- Kedua-dua pihak sedia memberi dan menerima serta bersedia berunding secara ikhlas dan terbuka bukannya secara emosi/membalas dendam.
- Kedua-dua pihak sedar bahawa penyelesaian adalah bagi kepentingan di masa hadapan.
- Kedua-dua pihak sedar pro dan kontra jika kes dibawa kepada perbicaraan.

## FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH GAGAL

- Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak ada keupayaan untuk membuat sebarang keputusan.
- Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada komitmen sebenar untuk menyelesaikan pertikaian.
- Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada maklumat untuk membuat keputusan.

**http://jksn.penang.gov.my**

**JKSNPP**

No. 3, Jln. Batu Gantung,
10450, Pulau Pinang.
Tel: 04-82782727
Faks: 04-8296427
E-mel: jksnpp@penang.gov.my